

07/11/1999

150,000 warga kota turut serta

KUALA LUMPUR: Kira-kira 150,000 warga kota membanjiri beberapa tempat di sini bagi menjayakan program 'Berjalan Untuk Negara' yang bermula pada jam 8 pagi semalam.

Program berkenaan bermula serentak selepas pelepasan peserta peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Taman Tasik Titiwangsa, di sini.

Serentak itu, peserta di 10 kawasan Parlimen lain mula berjalan membabitkan laluan sepanjang dua hingga empat kilometer.

Antara kawasan berkenaan seperti Lembah Pantai yang membabitkan tujuh zon pelepasan dengan lima dibuka kepada orang awam iaitu Petaling, Pantai, Bangsar, Kerinchi dan Bangsar Utama selain dua zon khusus iaitu Universiti Malaya dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bagi Parlimen Lembah Pantai, peserta daripada tujuh zon berkenaan berkumpul di padang TNB, Bangsar selepas acara itu untuk program seterusnya iaitu cabutan bertuah dan persembahan lain seperti kompiang, tarian Melayu dan artis tempatan.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Abdul Jalil ketika ditemui berkata, beliau terharu dengan sambutan menggalakkan daripada orang ramai terhadap kegiatan itu.

"Saya berterima kasih dan gembira melihatkan semangat patriotik yang ditonjolkan, malah penyertaan golongan kurang upaya membanggakan walaupun terpaksa menggunakan kerusi roda.

"Malah, jumlah peserta pada pagi ini mencapai sehingga 15,000," katanya.

Berjalan Untuk Negara adalah program pertama yang dianjurkan Kementerian Belia dan Sukan sebagai tanda sokongan rakyat terhadap usaha Malaysia menawarkan diri sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006.

(END)